



Headline: Kerugian lebih RM300 juta  
Publication/Portal: Sinar Harian  
Date: 19 November 2019

Language: Malay  
Section: Nasional  
Page: 15

## Kerugian lebih RM300 juta

**KUALA LUMPUR**

- Seramai 700 individu dituduh di mahkamah berkaitan kesalahan Macau Scam sejak 2015 sehingga September lalu, kata Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Mohd Azis Jamman.

Beliau berkata, dalam tempoh berkenaan, sebanyak 6,096 kertas siasatan dibuka dengan kerugian direkodkan berjumlah RM303.2 juta.

"Pelbagai usaha dijalankan PDRM (Polis Diraja Malaysia) termasuk meningkatkan penguatkuasaan undang-undang, pengoperasian, tangkapan dan seterusnya menjalankan pendakwaan ke atas mereka yang terlibat dalam penipuan," katanya pada sesi Kamar Khas di Dewan Rakyat semalam.

Beliau menjawab soalan **Khoo Poay Tiong (DAP-Kota Melaka)** yang ingin tahu langkah kementerian menangani masalah peni-



puan Macau Scam di Malaysia.

Mohd Azis berkata, PDRM juga membangunkan satu portal yang memudahkan masyarakat menyemak nombor telefon dan akaun bank yang digunakan sindiket melalui <http://ccid.rmp.gov.my/semakmule>.

Selain itu, katanya, Facebook 'Cyber Crime Alert Royal Malaysia Police' juga diwujudkan bagi memberi amaran kepada masyarakat dan mengelak diri daripada menjadi mangsa penipuan.

Menurutnya, pada Mac lalu, sebuah Jawatankuasa Teknikal Jenayah Siber yang terdiri daripada polis dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) ditubuhkan bagi membanteras jenayah penipuan dalam talian.

- *Bernamea*